

UUM ANJUR TEMASYA SILAT

HM 11/5/05
52:1

KELAB Pencak Silat Olahraga Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Rakan Waja Diri Sekreteriat Rakan Muda UUM akan menganjurkan Kejohanan Pencak Silat Jemputan pada 14 hingga 17 Julai depan di Dewan Mu'adzam Shah Kampus Sintok.

Pengarah Kejohanan, Ahmad Mustaffa Mohd Noor berkata, Kejohanan itu terbuka kepada semua pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara.

"Tujuan utama kejohanan ini diadakan bagi memperkenalkan silat sebagai salah satu seni mempertahankan diri yang semakin mendapat

tempat di mata dunia.

"Di samping itu untuk menaikkan martabat sukan silat ke peringkat yang lebih tinggi setanding dengan sukan-sukan lain.

"Malah kita mahu melihat prestasi semasa pesilat-pesilat IPT seluruh negara sebagai generasi pelapis kepada sukan tersebut," katanya.

Ahmad Mustaffa menambah, dengan aktiviti silat itu akan melahirkan mahasiswa yang cergas dan aktif dalam sukan serta mampu merealisasikan hasrat universiti dan negara dalam melahirkan mahasiswa yang cemerlang dari segala aspek.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan dalam kejohanan empat hari itu iaitu silat olahraga dan seni.

Bagi silat seni akan dipecahkan kepada tiga iaitu Jurus Tunggal, Wajib dan Tempur.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said dijangka menyampaikan piala kemenangan dan sijil penyeritaan.

Dianggarkan 350 pesilat IPT seluruh negara akan menyertai kejohanan yang julung kali diadakan itu.

Segala pertanyaan boleh menghubungi Raja Azlan Raja Ismail di talian 012-9513926.

UUM/BA88/HM/11.05.2005/P:53 (1)